



Peruntukan RM10 juta bantu usahawan belia

Tuaran: Kerajaan bersetuju memperuntukkan RM10 juta bagi memperkenalkan inisiatif baharu menerusi Program Skim Jaya Usahawan Belia Sabah (SYABAS).

Ketua Menteri, Datuk Seri Hajiji Haji Noor berkata, inisiatif ini membabitkan bantuan kepada belia dan beliawanis untuk memulihkan perniagaan yang terkesan akibat Covid-19 serta bantuan memulakan perniagaan.

"Selain memberi tumpuan kepada sektor utama Hala Tuju Sabah Maju Jaya (SMJ) dalam merangsang pertumbuhan dan pemulihan ekonomi negeri, Kerajaan Negeri turut menekankan teras kedua Pelan Hala Tuju SMJ iaitu 'Pembangunan Modal Insan' dan 'Kemakmuran Rakyat'."

"Malahan, sebanyak RM95.89 juta diperuntukkan kepada Kementerian Belia dan Sukan Sabah dalam Belanjawan 2022 negeri dengan mengadakan pelbagai program bagi melaksanakan inisiatif pembangunan belia terutamanya dalam program peningkatan kemahiran dan latihan semula," katanya.

Beliau berucap demikian pada sambutan Hari Belia Negara 2022 peringkat kebangsaan di sini, hari ini. Turut hadir, Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang merasmikan majlis serta Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu dan Menteri Belia dan Sukan Sabah, Datuk Ellron Angin

Hajiji menambah, berdasarkan data **Jabatan Perangkaan Malaysia**, Sabah merekodkan lebih daripada 50 peratus pada 2020 jumlah belia berusia 15 hingga 40 tahun

"Tumpuan kita adalah kepada kebolehpasaran pekerja dan padanan bakat pekerjaan bagi melahirkan golongan belia yang berdaya saing dan merealisasikan hasrat belia yang ingin menyumbang kepada pembangunan modal insan, ekonomi serta kesejahteraan sosial di Sabah," katanya.

Difahamkan, kerajaan negeri juga melancarkan penyerahan bantuan BizRider300 dan 300 motosikal diserahkan kepada belia di negeri ini melalui Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) pada Khamis lalu.

"Satu lagi inisiatif yang ditawarkan oleh kerajaan negeri melalui Belanjawan 2022 adalah Felo Sabah Maju Jaya dan seramai 24 graduan sebagai kumpulan pertama dipilih untuk program bimbingan dan pembelajaran yang diadakan selama enam bulan di 12 kementerian di Sabah sejak Mac lalu," ujarinya. Dalam perkembangan lain, kerajaan negeri turut menyediakan platform untuk generasi muda menyuarakan idea menerusi Majlis Perundingan Pelajar Sabah (MPPS) bagi memberi peluang perkongsian idea dan mendengar suara anak muda.

Lebih 5,000 warga belia berkumpul di padang Tuaran bagi meraikan sambutan Hari Belia Negara 2022 dengan acara bertemakan 'Ini Masa Kita.'

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/07/862107/peruntukan-rm10-juta-bantu-usahawan-belia>